

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 13 April 2016 14:35
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DESTINASI SINTOK PELENGKAP ILMU SMK TENGKU AMPUAN INTAN, KUALA BERANG, TERENGGANU



13 APRIL 2016 / 05 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DESTINASI SINTOK PELENGKAP ILMU SMK TENGKU AMPUAN INTAN, KUALA BERANG, TERENGGANU



ANJUNG TAMU ONLINE: Membuka minda pelajar kepada pendidikan luar serta menimba ilmu melalui lawatan sebagai panduan meneruskan pengajian selepas menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) merupakan elemen penting yang perlu diterapkan sebagai nilai tambah untuk pelajar masa kini.

Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan Kuala Berang, Terengganu (SMKTAI) membawa objekif lawatan untuk Discover UUM bagi memberi pendedahan kepada seramai 35 pelajarnya mengenai Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) di Malaysia.

Di sebalik tujuan ke UUM sebagai pilihan utama mereka bagi meninjau peluang melanjutkan pengajian, mereka tidak melepaskan peluang untuk bergambar di Laman Padi Welcome Centre yang turut mempromosikan Negeri Kedah sebagai Negeri Jelapang Padi Malaysia.

Selain mendapatkan informasi dan brosur tentang UUM, mereka turut diberi pendedahan mengenai suasana pembelajaran di kampus dengan kerjasama

Jawatankuasa Kepimpinan Pembangunan Siswa Dewan Penginapan Pelajar EON (JKPS DPP EON). Hadir sama, staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Samsuddin Oli serta Exco Keselamatan & Kesihatan DPP EON, Muhammad Muzamil Ali.

Sementara itu, menurut Guru Akademik Tingkatan Enam SMKTAI, Aniza Ayob,

“Terima kasih dan tahniah kepada UUM”.

“Sambutan dan layanan membanggakan”.

“Banyak memberi manfaat kepada pihak kami yang Discover UUM”.

Sejarah dan pengalaman dari kampus Sintok yang diperolehi menyegarkan ingatan pelajar dari SMKTAI Terengganu tentang kampus di rimba hijau yang terletak di utara untuk mereka jejak lagi sebagai mahasiswa selepas ini.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

